



KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA TAHUN 2018

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sedang mengadakan Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perikanan Malaysia bagi tahun 2018. Pada kali ini, tema persidangan adalah **'Kelestarian Sumber Perikanan Menjamin Bekalan Makanan Negara'** selaras dengan usaha DOF dalam membantu menjamin kecukupan bekalan makanan dan memenuhi permintaan dan ekspektasi rakyat, kumpulan sasar serta kepimpinan negara.
2. Persidangan pada kali ini akan memberi penekanan kepada **tujuh (7) perkara penting** yang menjadi tumpuan utama di dalam melaksanakan fungsi kita untuk menyelaraskan pembangunan subsektor perikanan negara serta mengurus sumber perikanan secara mampan. Ia meliputi sektor **Perikanan Tangkapan, Pembangunan Akuakultur, Penyelidikan Perikanan, Penguatkuasaan Perikanan, Hubungan Antarabangsa & Biosekuriti Perikanan, Modal Insan & Pemodelan Vesel Penangkapan Ikan.**
3. Sebagai contohnya, dalam industri kerang-kerangan sejak 10 tahun kebelakangan ini menunjukkan 26% penurunan pendaratan kerang di negeri-negeri pengeluar kerang utama iaitu Selangor dan Perak. Namun kini negeri Johor

merupakan pengeluar kerang-kerangan utama di Malaysia khususnya kerang dan kupang, dan dilihat amat berpotensi untuk menjadi negeri pengeluar kerang-kerangan. Oleh itu Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani telah membentuk satu jawatankuasa **Kokus Kerang-Kerangan di Malaysia** untuk menjadikan Johor sebagai Hub Kerang-Kerangan. Kokus ini berkuatkuasa pada 1 September 2018 lalu bagi tempoh 2 tahun.

4. Bagi pemodenan vesel penangkapan ikan pula, DOF telah memperkenalkan satu piawaian Garis Panduan Pembinaan Vesel Penangkapan Ikan. Ini merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh DOF dalam memacu industri perikanan negara dimana 12 standard piawaian diperkenalkan selaras dengan kod Persatuan Maritim Antarabangsa dan *International Conventions* dan *International Association of Classification Societies* (IACS) di samping keperluan untuk memenuhi keperluan syarat negara pengimport. Ini bertepatan dengan dasar Jabatan untuk tidak mengeluarkan permit laut dalam bagi bot terpakai/dibeli dari luar negara, kecuali hanya dibina di dalam negara sahaja selain mewujudkan peluang perniagaan yang besar untuk industri pelabuhan perikanan tempatan umumnya.
5. Pengeluaran sektor perikanan di Malaysia pada tahun 2017 adalah sebanyak 1.93 juta tan metrik dengan nilai RM14.1 bilion; peningkatan sebanyak 2.8% dari segi nilai berbanding tahun 2016. Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi sub sektor perikanan pula kekal pada 0.9% dengan defisit imbalan yang berkurang sebanyak 3.4% berbanding tahun sebelumnya.

6. **Prinsip tadbir urus yang baik** perlu dipikul oleh semua penjawat awam ke arah pemantapan sistem penyampaian dan pentadbiran negara yang berkesan dengan memegang prinsip **telus, berakauntibiliti dan amanah**. Ini bermaksud, tugas yang dilaksanakan perlu berfokus kepada golongan sasaran dan rakyat, dengan memastikan **bantuan disalurkan terus** kepada mereka berlandaskan **etika dan proses kerja (SOP)** yang telus dan jelas.
7. Penjawat awam yang **beretika, berakauntibiliti dan berintegriti** berpaksikan ajaran agama, menuntut kita untuk mengamalkan etika **“kerja sebagai ibadah”** dan menjunjung tinggi nilai-nilai murni dalam perkhidmatan. Sistem penyampaian kerajaan yang berkesan diukur apabila kita mampu mengawal tingkah laku dan amalan yang boleh menjejaskan sistem pentadbiran negara seperti rasuah, penyelewengan dan boros di dalam penggunaan sumber negara. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua dalam memastikan kedudukan DOF sebagai organisasi yang punyai sistem yang dinamik, efektif dan efisien seperti yang diharapkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*).
8. Bagi memacu penjawat awam DOF yang berkaliber, satu penyediaan **Model Pembangunan Modal Insan** berdasarkan **VASKA** iaitu **Value, Attitude, Skill, Knowledge and Action** akan dirangka dalam strategi bagi melahirkan sikap yang perlu diterapkan oleh warga #myDOF untuk memenuhi harapan kumpulan sasaran dan rakyat.

9. DOF juga terus komited untuk menjayakan **Program Transformasi Agromakanan** di bawah **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11)** dan pada masa yang sama merangka lanskap sektor perikanan menjangkau ke tahun 2030 selaras dengan hasrat YB Menteri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke arah masa depan industri yang terus berjaya berdasarkan penglibatan golongan belia, pihak industri dan kumpulan sasar.

###

DATO' HAJI MUNIR BIN MOHD NAWI

Ketua Pengarah

Jabatan Perikanan Malaysia

MAEPS, Serdang, Selangor

23 September 2018 (Ahad) jam 11:00 pagi